

03 JUL 1998

Mahathir-Masyarakat

MALAYSIA MASIH PERLU KEPADA PERATURAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia masih memerlukan peraturan dan disiplin dalam masyarakat untuk memelihara kepentingan semua pihak.

Beliau berkata negara harus mempunyai undang-undang dan peraturan walaupun kempen sekarang adalah ke arah pembatalan kawal seliaan dan sebagainya.

"Kita masih memerlukan disiplin kerana jika tidak kita akan menjejaskan orang lain," katanya dalam ucapan pada jamuan malam anjuran Persatuan Bekas Putera Maktab Tentera Diraja (RMC) bersempena ulang tahun ke-46 RMC di sini.

Lebih 1,400 anggota menghadiri jamuan itu.

Dr Mahathir berkata ada pihak yang berpendapat bahawa mereka perlu dibenarkan untuk melakukan sesuka hati mereka.

Dr Mahathir berkata Malaysia kini memasuki zaman di mana nilai-nilai kehidupan sudah berubah.

Beliau berkata ramai orang berpendapat bahawa disiplin dan ketertiban tidak lagi sesuai kerana manusia sepatutnya bebas.

"Akan tetapi saya gembira kerana RMC masih mengekalkan corak disiplin dan ketertibaan seperti dahulu kala," katanya.

Beliau berkata lulusan RMC berjaya dalam kehidupan kerana mendapat latihan yang baik semasa di maktab itu.

Dr Mahathir berharap tradisi RMC ini akan dikekalkan dan ia terus melahirkan mereka yang mempunyai kepimpinan yang berkualiti serta mampu menjalankan tanggungjawab membangunkan negara ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima sekeping cek bernilai RM200,000 untuk Danaharta Negara.

Antara yang hadir ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

-- BERNAMA

ES AKD